

Budak 'didera' pengasuh angkara enggan tidur

Georgetown: Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun dikatakan trauma selepas tangannya diikat dan mulutnya ditampal oleh pengasuh kerana enggan tidur di sebuah taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di Relau, di sini.

Ibu mangsa yang juga seorang pegawai kewangan, Moey Sook Yeng, 35, mendakwa pe-

ngasuh TASKA terbabit mengikat tangan anak sulungnya menggunakan sarung bantal golek sebanyak dua kali, iaitu pada April dan Mei lalu.

Beliau kesal kerana pengasuh terbabit tidak sepatutnya melayan seorang kanak-kanak sebegitu.

"Pada April lalu, anak saya mengadu mengenai kejadian

itu sebelum saya dan suami bertanyakan perkara berkenaan kepada pengetua TASKA yang kemudian diakui dilakukan pengasuh terbabit menggunakan sarung bantal.

"Namun, perkara sama berulang apabila anak saya mengadu tangan diikat dan mulutnya ditampal dengan pita perekat oleh pengasuh sama

untuk memaksanya tidur, Mei lalu," katanya di Bayan Baru, di sini, semalam.

Menangis ketika hendak tidur

Ibu dua anak itu berkata, tindakan berkenaan menyebabkan anaknya itu kini ketakutan setiap kali hendak tidur.

"Anak saya trauma setiap kali ingin melelapkan mata. Dia menyebut nama pengasuh tadi ketika berkenaan serta menangis ketakutan ketika hendak tidur.

"Saya sedih dengan apa yang menimpa anak saya kerana dia didera secara mental dan fizikal oleh pengasuh berkenaan," katanya.